

Mesyuarat Jawatankuasa Induk QE/5S Ibu Pejabat JUPEM Bilangan 1 Tahun 2023

Tarikh: 27 September 2023

Tempat: Bilik Persidangan Tingkat 15, Wisma JUPEMPPPIbu
Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur



Mesyuarat Jawatankuasa Induk QE/5S Ibu Pejabat JUPEM telah dipengerusikan oleh YBrs. Sr Muhammad Salim bin Mohammed Asari, Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster). Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada Pengarah Ukur Bahagian dan Jawatankuasa Kecil QE/5S telah hadir.

Tujuan Mesyuarat adalah untuk membincangkan kemajuan pelaksanaan serta perancangan aktiviti QE/5S Ibu Pejabat JUPEM dari Oktober 2022 hingga September 2023 melalui pembentangan jawatankuasa kecil yang dilantik dan membincangkan langkah-langkah persediaan menghadapi audit pensijilan semula QE oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia yang akan dijalankan pada 10 Oktober 2023.